

InspiraSI

TERKINI DI UPSI



UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اربعينونى كماله وبتوحيه سلطان ايدريس

SULTAN IDRIS EDUCATION UNIVERSITY

Bil 23: 8 Jun 2026

UPSI bantu anak pemandu lori lanjut pengajian ke menara gading

Jerteh, 7 Jun - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) membantu seorang anak pemandu lori daripada keluarga berpendapatan rendah melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi dengan menyalurkan bantuan kewangan serta mengadakan ziarah kebajikan menjelang hari pendaftaran beliau sebagai pelajar baharudi UPSI.

Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr. Md Amin Md Taff berkata universiti itu sentiasa komited membantu mahasiswa khususnya mereka yang berasal daripada keluarga B40 agar kekangan ekonomi tidak menjadi penghalang untuk melanjutkan pelajaran.

"Setiap pelajar yang berjaya melangkah ke universiti mempunyai kisah perjuangan tersendiri. UPSI bukan sahaja menyediakan peluang pendidikan berkualiti, malah berusaha

memastikan kebajikan dan kesejahteraan mahasiswa sentiasa terpelihara agar mereka dapat menumpukan perhatian sepenuhnya kepada pengajian. "Kejayaan Nur Athirah sebagai anak sulung yang berjaya melanjutkan pengajian ke universiti merupakan satu pencapaian yang membanggakan dan wajar dijadikan inspirasi kepada generasi muda lain untuk terus berusaha mengubah masa depan keluarga melalui pendidikan," katanya ketika mengadakan ziarah kebajikan ke kediaman Nur Athirah Ismail di Kampung Raja di sini, hari ini.

Nur Athirah, 18, berjaya memperoleh tawaran mengikuti Program Diploma Pengajian Turath Islami di UPSI bagi Sesi Akademik 2026/2027 dan dijadual mendaftar di kampus Tanjong Malim pada 9 Jun ini. Beliau yang merupakan anak sulung daripada lima beradik menjadi individu pertama dalam keluarganya yang berjaya melanjutkan pengajian ke institusi pengajian tinggi awam (IPTA).

Bapanya, Ismail Ibrahim, 51, bekerja sebagai pemandu lori di sebuah kedai perkakasan dengan pendapatan bulanan sekitar RM2,736 yang menjadi sumber utama pendapatan keluarga bagi menampung keperluan tujuh ahli keluarga termasuk empat lagi anak yang masih bersekolah. Sebagai persediaan memasuki universiti, Nur Athirah turut menerima Skim Bantuan Khas Kemasukan Semester Satu berjumlah RM1,500 yang diluluskan oleh Pusat Wakaf, Endowmen, Zakat, Khairat dan Sedekah (WEZAS) UPSI bagi membantu menampung kos pendaftaran dan keperluan awal pengajian.

"UPSI akan terus memperkukuh agenda kebajikan mahasiswa menerusi pelbagai inisiatif termasuk bantuan kewangan, zakat, endowmen dan jaringan kerjasama strategik bagi memastikan tiada pelajar tercicir daripada meneruskan pengajian disebabkan kekangan ekonomi," ujar beliau.



PENERAJU KEBITARAAN PENDIDIKAN



TPM Zahid luang masa ke PBAKL, beli dua buku terbitan UPSI

Kuala Lumpur, 3 Jun - UTimbangan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi meluangkan masa menghadiri Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur (PBAKL) 2026 yang berlangsung selama 10 hari hingga 7 Jun ini.

Dalam kunjungan pada Sabtu lalu, beliau antaranya melawat ke reruai Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) di Pavilion Majlis Penerbitan Ilmiah Malaysia (MAPIM) selain menzahirkan sokongan terhadap usaha memperkasa budaya ilmu, penyelidikan dan penerbitan akademik negara.

Sebagai tanda penghargaan terhadap karya ilmiah tempatan, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid yang juga Menteri Kemajuan Desa dan Wilayah turut membeli dua buah buku terbitan Penerbit UPSI iaitu Penulisan Proposal Penyelidikan Ilmiah dan Menulis Petikan dan Rujukan Gaya APA Edisi Kedua.

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) UPSI, Profesor Dr Suriani Abu Bakar menyifatkan kunjungan tersebut sebagai satu pengiktirafan yang amat bermakna terhadap peranan

UPSI salur RM2 juta Tabung UPSI Berduka kepada waris mangsa, waris tragedi bas

Pasir Puteh, 7 Jun - Seramai 42 mangsa dan waris tragedi nahas bas di Gerik setahun lalu menerima wang sumbangan dana berjumlah RM2 juta hari ini.

Sumbangan dari tabung UPSI Berduka itu diagihkan secara berperingkat seurus selepas tragedi berkenaan berlaku.

Naib Canselor UPSI, Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff berkata, universiti turut menyalurkan bantuan sebanyak RM5,000 sempena Majlis Tautan Kasih dan Ukhwah UPSI Bersama Waris Insiden Gerik 2025 pada Sabtu.

universiti dalam memacu agenda penyelidikan dan penerbitan ilmiah negara.

“Kesudian Datuk Seri Dr Ahmad Zahid memilih karya terbitan UPSI ini mencerminkan sokongan berterusan kerajaan terhadap pembangunan budaya ilmu dan ekosistem penyelidikan negara. “Sokongan seumpama ini memberi semangat kepada penyelidik dan akademik untuk terus menghasilkan buku yang berkualiti, relevan dan berimpak tinggi,” katanya menerusi kenyataan.

Sementara itu, Pengarah Penerbit UPSI, Profesor Madya Dr. Nordiana Hamzah berkata sokongan pemimpin negara terhadap penerbitan universiti membuktikan karya ilmiah tempatan terus mendapat tempatan dan perhatian dalam kalangan pembuat dasar serta masyarakat.

Kami amat berbesar hati dan berterima kasih atas kesudian Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi mengunjungi reruai Penerbit UPSI serta membeli buku-buku terbitan kami.

Bantuan wang berkenaan memanfaatkan baki dana yang masih terdapat dalam Tabung UPSI Berduka.

“Masih terdapat kira-kira RM210,000 dalam tabung berkenaan dan sebahagian daripadanya kami salurkan hari ini kepada keluarga serta pelajar yang terlibat,” katanya kepada pemberita selepas majlis berkenaan di Tok Aman Bali, Pasir Puteh, Kelantan.

Dalam tragedi pada 9 Jun tahun lalu, seramai 15 pelajar UPSI maut manakala puluhan lagi dilaporkan cedera.



UPSI Terbit Buku “UPSI Berduka”, Abadikan Tragedi Gerik Panduan Tangani Krisis

Pasir Puteh, 7 Jun - Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI) menerbitkan sebuah buku bertajuk UPSI Berduka yang mendokumentasikan tragedi kemalangan jalan raya melibatkan pelajarannya di Gerik, Perak tahun lepas sebagai rujukan dan panduan pengurusan krisis pada masa hadapan.

Naib Canselor UPSI Prof Datuk Dr Md Amin Md Taff berkata buku yang mengambil masa hampir 10 bulan untuk disiapkan itu memuatkan kronologi insiden berkenaan, tujuh fasa tindakan pengurusan krisis yang dilaksanakan universiti bersama pelbagai agensi, selain himpunan luahan serta pengalaman pihak terlibat.

Beliau berkata penerbitan buku itu turut menjadi satu bentuk dokumentasi serta kajian lapangan yang merakam pengalaman waris, mangsa yang terselamat, sukarelawan, agensi penyelamat dan petugas barisan hadapan sepanjang tempoh pengurusan tragedi itu.

“Buku ini bukan hanya menceritakan pengalaman satu pihak, sebaliknya menghimpunkan suara majoriti yang terlibat sejak hari pertama tragedi berlaku sehingga proses penyelesaian pelbagai urusan berkaitan mangsa.

“Ia diharap menjadi

garis panduan sekiranya berlaku insiden seumpama ini pada masa hadapan, walaupun kita berharap perkara sedemikian tidak akan berulang,” katanya kepada pemberita selepas Majlis Tautan Kasih dan Ukhwah UPSI Bersama Waris Insiden Gerik 2025 di Tok Bali di sini hari ini.

Beliau berkata buku itu dijangka dilancarkan oleh Menteri Pendidikan Tinggi Datuk Seri Dr Zambry Abdul Kadir dalam masa terdekat di kampus UPSI.

Sementara itu, Md Amin berkata Tabung UPSI Berduka yang diwujudkan susulan tragedi berkenaan berjaya mengumpul sumbangan kira-kira RM2 juta daripada pelbagai pihak sejak hari pertama kejadian.

Beliau berkata bantuan daripada tabung itu telah disalurkan secara berperingkat kepada kesemua 42 mangsa dan waris yang terlibat, termasuk mereka yang cedera serta keluarga mangsa yang terkorban.

“Hari ini kita mengagihkan baki terkini tabung sebanyak RM210,000 dengan setiap penerima menerima RM5,000 secara sama rata bagi memastikan keadilan kepada semua pihak yang terkesan,” katanya.

Beliau berkata tabung itu akan ditutup secara rasmi pada Ogos ini, namun pihak universiti masih

menerima sumbangan sehingga tempoh tersebut.

Dalam perkembangan berkaitan, beliau berkata Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) melalui Pasukan Khas yang ditubuhkan selepas tragedi itu telah memperkenalkan beberapa langkah penambahbaikan bagi meningkatkan keselamatan pelajar.

“Antara langkah itu ialah tidak menggalakkan perjalanan pulang pelajar pada waktu tengah malam, mewujudkan sistem pelaporan penyewaan bas kepada universiti serta memperkenalkan fleksibiliti pembelajaran dalam talian sebelum dan selepas cuti pendek,” katanya.

Beliau berkata pendekatan itu bertujuan mengurangkan risiko perjalanan tergesa-gesa selain memastikan kebajikan serta keselamatan pelajar sentiasa menjadi keutamaan.

Kemalangan pada awal pagi 9 Jun 2025 melibatkan bas dinaiki penuntut universiti berkenaan dari Jertih, Terengganu ke Tanjung Malim, Perak dengan sebuah kenderaan berlaku di Jalan Raya Timur-Barat, Gerik, Perak dan menyebabkan 15 penuntut maut.

